

15 MAR 2003

Mahathir-Iraq

M'SIA TETAP TOLAK KEMPEN PERANG AMERIKA TERHADAP IRAQ - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Malaysia tetap berpendirian menentang kempen Amerika Syarikat menyerang Iraq kerana alasan yang diberikan Amerika tidak meyakinkan dan tidak boleh diterima, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak dapat menerima alasan Amerika hanya untuk melakukan pembunuhan dan menyingkirkan presidennya Saddam Hussein tanpa mempedulikan rakyat Iraq.

Perang mestilah bersebab dengan alasan yang menyakinkan serta mengikut undang-undang, bukannya dengan cara bangun daripada tidur pagi kemudian terus memutuskan untuk berperang, katanya dalam satu temubual dengan akhbar Al-Ahram, sebuah akhbar terkemuka Mesir baru-baru ini.

Beliau berkata Malaysia amat sedih bukan sahaja atas dasar sesama Islam tetapi juga disebabkan mereka (rakyat Iraq) turut menolak peperangan, inginkan keamanan dan keselamatan.

Dr Mahathir menegaskan bahawa adalah perlu bagi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memainkan peranannya dalam mengelak peperangan dan menjamin keamanan, lebih-lebih lagi rakyat negara-negara Islam sudah mengambil pendirian menentang perang.

"Jadi kerajaan negara Islam tidak harus berdiam diri. Kita harus mengambil langkah," katanya.

Menyentuh penggunaan minyak sebagai alat menghentikan perang dan pembunuhan terhadap rakyat Palestin, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam patut memikirkan ada pelbagai cara untuk berbuat demikian.

Ini kerana negara-negara pengeluar minyak mempunyai kepentingannya sendiri untuk menjual bahan itu.

"Apabila kita tidak dapat menilai, perkara ini akan menjadi masalah yang amat berbahaya lebih-lebih lagi pada pihak lain. Amerika menganggap perkara ini (minyak untuk perang) sebagai tindakan permusuhan," katanya.

Secara terus terang, Dr Mahathir berkata: "Ada lagi sebab penting dalam hal ini iaitu negara-negara pengeluar minyak adalah sekutu Amerika."

Menyentuh peranan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang kini dipengerusikan Malaysia, Perdana Menteri berkata NAM masih relevan kerana dasar dan prinsipnya mulia dan akan terus kekal tetapi negara-negara anggota NAM perlu bergabung tenaga dan pemikiran bagi mencapai matlamat murni NAM itu.

"Buat masa ini negara anggota NAM tidak mempunyai dasar luar yang satu, masing-masing membawa haluan sendiri," katanya.

Dr Mahathir juga melahirkan rasa kesalnya terhadap penipuan media Amerika dalam membuat sebarang liputan.

Beliau berkata: "Mereka datang ke negara kami mendengar dan melihat sendiri segala yang berlaku tetapi menyiarkan berita yang berbeza. Mereka tidak siar apa yang sebenarnya...mereka mengatakan saya diktator sedangkan mereka sedia maklum corak kepimpinan politik di negara saya (Malaysia) malah selalu melihat saya memandu kereta sendiri dan berjalan di tempat awam tanpa pengawal."

Dr Mahathir melahirkan rasa gembira tentang keadaan di Malaysia yang kini menjadi contoh negara-negara Islam yang lain.

Beliau berkata Malaysia telah membuktikan rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai bangsa boleh hidup bersatu dan harmoni.

Cara hidup yang berasaskan keadilan dan persamaan hak tanpa mengira perbezaan bangsa dan warna kulit telah membolehkan semua bangsa

merealisasikan kemajuan di dalam pelbagai aspek, katanya.

Perdana Menteri berkata atas asas itulah Malaysia membangunkan bangsa dan mencipta kemajuan sehingga akhirnya negara mampu mencapai satu tahap ia tidak perlu berhutang.

"Maknanya, kepelbagaian dan perbezaan kaum yang wujud di kalangan kami menjadi pemangkin kekuatan Malaysia seterusnya mewujudkan kepakaran, idea dan kemajuan di samping menjadi asas kepada pembangunan berterusan," katanya.

Menyentuh krisis Korea, Dr Mahathir mengulas bersandarkan kata-kata "Orang Mekah lebih tahu tentang keadaan penduduknya" dan Malaysia sebagai sebuah negara di rantau ini berpendapat bahawa penyelesaian kepada krisis Korea haruslah melalui rundingan di antara Korea Utara dan Korea Selatan secara langsung tanpa ada pihak ketiga (Amerika).

Ini kerana rakyat kedua-dua negara adalah sebangsa dan cara terbaik menyelesaikan masalah mereka adalah melalui rundingan sesama bangsa itu sendiri, katanya.

Beliau berharap kebijaksanaan haruslah digunakan dalam penyelesaian itu dan tiada pihak ketiga dalam penyelesaian sebangsa di dalam dua buah negara itu.

-- BERNAMA  
MFZ MFZ RON